

13 NOV 1998

APEC-BERITA-BUAH-BUAHAN/I

FIRMA USAHA SAMA M'SIA-NZ CUBA PERASA BUAH TEMPATAN

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Nekta Kiosk (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama Malaysia-New Zealand yang berasaskan makanan sedang berusaha keras untuk mengembangkan produk berasaskan buah-buahan dengan perasa tempatan.

Pengurus besarnya Stuart Soo berkata, syarikat itu yang mengeluarkan produk berasaskan buah kiwi dari New Zealand kini sedang membuat kajian jus buah roselle dari Malaysia yang diperah daripada bunga raya dan ais krim.

"Kami masih mengkajinya dan ia kelihatan memberangsangkan," katanya kepada Bernama pada Pameran Perdagangan Antarabangsa Apec Ketiga '98 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran Mines di Sungei Besi, hari ini.

Dengan menggunakan teknologi makanan New Zealand, syarikat itu menghasilkan Nektalite, teknologi ramuan berasaskan buah kiwi, Nektaplus, produk pemakanan, Nektabake, serbuk penaik, Nektaherbal, pelbagai minuman herba dan Nektacream, pembasuh mulut buah-buahan beku tanpa lemak dan tenusu.

Firma dengan nisbah ekuiti 65:35 Malaysia-New Zealand itu yang ditubuhkan pada 1996, telah mengeksport dua kontena jus buah kiwi yang bernilai RM300,000 ke Taiwan sejak operasi luar negaranya bermula enam bulan lalu.

Soo berkata jualan jus buah kiwi di Malaysia melebihi RM1 juta sepanjang tempoh enam bulan.

"Jualan menggalakkan kerana rakyat Malaysia mengambil berat terhadap produk makanan berkhasiat," katanya.

Menurutnya, syarikat itu sedang meninjau Hong Kong sebagai pasaran luar negara seterusnya.

Selain meningkatkan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) terhadap jus roselle sebagai produk makanan berasaskan buah-buahan, syarikat itu juga perlu mengembangkan rangkaian pasarannya, kualiti produk dan pelebalan sebelum meneroka ke dalam projek yang lebih besar untuk mengeluarkan produk lain.

Soo berkata syarikat itu juga merancang untuk bergerak kepada program francais bagi meningkatkan jualan produknya.

Ia mempunyai sebuah kedai francais di Pusat Membeli Belah Mines di Sungei Besi dan kiosk jus buah-buahan di semua pusat membeli belah Jaya Jusco.

-- BERNAMA

HS ZK OS